

**KAJIAN PERLAKSANAAN KONSEP KITAR SEMULA OLEH
FIRMA-FIRMA KONTRAKTOR**

PHAN CHIN LIONG

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI 2008

ABSTRAK

Pembangunan yang pesat telah meningkatkan perkembangan aktiviti pembinaan di Malaysia. Dengan itu, perkembangan tersebut telah menghasilkan jumlah bahan buangan binaan dan bahan buangan pejabat yang banyak. Kitar semula bahan buangan binaan dan pejabat merupakan satu komponen yang penting bagi satu firma pembinaan yang bertanggungjawab kepada alam sekitar kerana kitar semula dapat mengurangkan jumlah bahan buangan binaan dan pejabat yang dihantar ke tempat penimbunan sampah. Tambahan pula, melalui kempen kitar semula juga dapat memulihkan sumber yang diperlukan untuk pembinaan pada masa hadapan. Antara objektif kajian ialah mengkaji sama ada firma-firma kontraktor ada melaksanakan kempen kitar semula di pejabat dan di tapak pembinaan dan mengetahui aspek-aspek kitar semula yang dilaksanakan oleh firma-firma kontraktor. Kajian ini dijalankan terhadap firma kontraktor (Kelas A) di negeri Johor. Terdapat 4 peringkat dalam metodologi kajian iaitu kajian literatur, pengumpulan data, data analisis dan kesimpulan. Sebanyak 80 borang soal selidik telah diedarkan kepada kontraktor (Kelas A) di negeri Johor untuk mendapat maklum balas. Data-data dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik dan purata indeks. Daripada hasil kajian, didapati bukan semua kontraktor (Kelas A) di negeri Johor ada melaksanakan kempen kitar semula di pejabat dan juga di tapak pembinaan. Dari segi aspek-aspek kitar semula yang dilaksanakan oleh firma-firma kontraktor yang ada melaksanakan kempen kitar semula di tapak pembinaan, didapati bahan buangan binaan yang selalu akan dikitar semula oleh firma kontraktor pada setiap projek pembinaan ialah logam besi dan kayu. Manakala bahan buangan pejabat yang selalu akan dikitar semula ialah kertas dan plastik. Kesimpulannya, didapati kebanyakan firma-firma kontraktor di negeri Johor ada melaksanakan kempen kitar semula.

ABSTRACT

The construction activities in Malaysia are increasing due to the rapid development. Therefore, it generated a big amount of construction and office waste materials. Recycling construction and office waste materials is an important component of an environmentally responsible construction firm, as it reduces the amount of waste materials from construction and office directed to landfills. Furthermore, through the recycling campaign, the source that is required for the construction in the future can be recovered. The first objective of this study is to investigate whether contractor firms have implemented recycling campaign at office and construction site or not. The second objective is to know the recycling implemented by contractor firms. This study has been carried out on class A contractors firms in the state Johore. The research process involves problem identification, data collection, data analysis and conclusion. 80 questionnaire forms have been distributed to contractor class A in the state of Johore to elicit views of the contractor. All the data analyzed using the statistical method and average index. This study showed that not all contractors class A in the state of Johore has implemented the recycling campaign in the office and also at the construction site. Construction waste materials which are frequently recycled by the contractor firms at construction site for every construction project are iron metal and wood. Besides that, the office waste materials that are frequently recycled by the contractor firms are paper and plastic. In conclusion, most of the contractor firms in state of Johor have implemented the recycling campaign.